

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : QAWAID FIQHIYYAH****KOD KURSUS : MIF2013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian : BAHAGIAN A (10 soalan)
: BAHAGIAN B (10 soalan)
: BAHAGIAN C (04 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____
NO. ID : _____
PENSYARAH : _____
SEKSYEN : _____

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 06 muka surat bercetak

OKT2023/C/MIF2013

BAHAGIAN A: SOALAN BENAR ATAU SALAH

Nyatakan sama ada pernyataan di bawah BENAR atau SALAH.

1. **(1 point)**
Islam membenarkan seseorang mengambil duit yang dijumpai di tepi jalan untuk dijadikan miliknya sendiri.
2. **(1 point)**
Syarak menetapkan seseorang yang ingin beribadah mesti melafazkan niat melalui lisannya.
3. **(1 point)**
Wahm merupakan perkara yang tidak boleh dijadikan sandaran di dalam hukum fiqh.
4. **(1point)**
Syak boleh memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam.
5. **(1 point)**
Sesuatu yang tidak diyakini berlaku atau tidak berlaku merupakan salah satu maksud kepada kaedah Kesukaran membawa kemudahan.
6. **(1 point)**
Orang sakit dibenarkan menunaikan solat qasar dan jama'.
7. **(1 point)**
'Kaedah bahaya mesti dihapuskan' bermaksud sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya mestilah dihilangkan.
8. **(1 point)**
'Kaedah bahaya mesti dihapuskan' sesuai diguna pakai terhadap penutupan Masjidil Haram pada tahun 2021 untuk jemaah haji bagi menghilangkan kemudaratan akibat daripada pandemik COVID-19.
9. **(1 point)**
Adat sesuatu masyarakat boleh menentukan fesyen pakaian Islam.
10. **(1 point)**
Kebiasaan yang diterima untuk diamalkan oleh umat Islam dikenali sebagai '*Uruf Fasid*'.

BAHAGIAN B: SOALAN ANEKA PILIHAN

Jawab SEMUA soalan.

1. **(1 point)**

Berikut merupakan pecahan dari kaedah '*Al-umur bimaqasidiha*' **KECUALI** _____.

- A. Niat dalam sumpah dapat mengkhususkan lafaz yang am dan khusus
- B. Suatu lafaz atau ucapan itu berdasarkan niat orang yang mengucapkannya
- C. Jika berlaku kesilapan dalam menjelaskan niat akan menyebabkan terbatal atau tidak sah
- D. Apa yang dikira dalam akad ialah maksud dan makna bukan lafaz atau bentuk perkataan

2. **(1 point)**

"Orang yang berhutang dianggap masih berhutang selagi mana dia tidak dapat mengemukakan bukti bahawa dia sudah menyelesaikan hutang tersebut."

Keputusan bagi kes di atas dapat ditentukan melalui kaedah _____.

- A. Sesuatu amalan itu dikira berdasarkan niat
- B. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan
- C. Keadaan darurat mengharuskan perkara yang ditegah
- D. Adat dijadikan sandaran hukum

3. **(1 point)**

Apakah hukum bagi orang yang Islam yang dipaksa mensyirikkan Allah SWT sekiranya nyawanya diancam?

- A. Haram.
- B. Sunat.
- C. Harus.
- D. Makruh.

4. **(1 point)**

Menurut Islam, seseorang suami yang mengabaikan nafkah terhadap isteri boleh dihukum _____.

- A. penjara.
- B. Takzir.
- C. penjara dan Takzir.
- D. Hudud.

5. (1 point)

Apakah hukum pembelian secara dalam talian yang diamalkan oleh negara Islam?

- A. Haram.
- B. Sunat.
- C. Harus.
- D. Makruh.

6. (1 point)

'*Uruf* bahawa makanan di *itlaqkan* kepada benda-benda yang disediakan untuk makanan ditentukan melalui _____.

- A. '*uruf perbuatan*
- B. '*uruf perkataan*
- C. '*uruf khas*
- D. '*uruf am*

7. (1 point)

Manakah yang berikut **BUKAN** kaedah terbitan daripada kaedah "*al-'Adat Muhakkamah*"?

- A. Asal segala suatu itu ialah tiada.
- B. Ketentuan berdasarkan '*urf* seperti ketentuan berdasarkan nas.
- C. Sesuatu yang biasa diamalkan oleh orang ramai merupakan hujah wajib beramal dengannya.
- D. Tidak dinafikan berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan zaman.

8. (1 point)

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud bermaksud:

"Apa yang dinilai oleh kaum muslimin baik, maka ia adalah baik di sisi Allah, dan apa yang dinilai buruk oleh kaum muslimin, maka buruklah ia di sisi Allah".

Nyatakan kaedah fiqh yang terbina daripada hadis di atas

- A. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat dan tujuan.
- B. Adat sebagai sumber rujukan hukum.
- C. Bahaya mesti dihapuskan.
- D. Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas

9. (1 point)

Pilih pernyataan yang **SALAH** mengenai syarat beramal dengan 'uruf dan adat oleh para fuqaha'.

- i. Ia tidak bercanggah dengan nas Syarak.
- ii. Hendaklah berterusan dan menjadi kebiasaan.
- iii. Perkara tersebut tidak dinafikan oleh majoriti Ulama'.
- iv. Perkara tersebut mesti dihilangkan.

- A. i dan ii
- B. i, ii dan iii
- C. ii dan iv
- D. i dan iv

10. (1 point)

"Urusan atau kontrak sewaan rumah atau kedai, sekiranya menurut 'uruf di tempat tersebut bahawa penyewalah yang perlu membayar yuran penyelenggaraan bulanan, maka secara automatik 'uruf tersebutlah yang akan menjadi penentu kepada hukum sekiranya tidak dinyatakan dalam akad".

Contoh di atas, adalah salah satu daripada syarat-syarat penerima 'uruf. Pilih jawapan yang **TEPAT** bagi contoh tersebut.

- A. Syarat tidak menyalahi nas syarak dan dalil qat'i dalam al Quran.
- B. Syarat *al 'uruf* itu berterusan dan menjadi kebiasaan.
- C. Syarat *al 'uruf* tidak bertentangan dengan lafaz yang jelas.
- D. Syarat *al 'uruf* itu wujud lebih awal sebelum perbincangan mengenainya timbul.

BAHAGIAN C: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(10 points)**

- a) Kaedah “Setiap perkara itu dinilai berdasarkan niat” merupakan kaedah yang memberi kesan yang amat signifikan terhadap pembangunan hukum Islam. Jelaskan **DUA (2)** pecahan kaedah daripada kaedah tersebut. (4 points)
- b) Bincangkan **TIGA (3)** syarat niat menurut Islam. (6 points)

2. **(10 points)**

- a) Nyatakan **DUA (2)** pengecualian kaedah ‘Keyakinan tidak hilang dengan keraguan. (4 points)
- b) Terdapat beberapa kaedah terbitan daripada kaedah “Keyakinan tidak hilang dengan keraguan.”
Huraikan **TIGA (3)** kaedah terbitan tersebut. (6 points)

3. **(10 points)**

- a) Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam Bahasa Melayu:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ: البقرة: ١٨٥
إِنَّمَا بُعِثْتُكُمْ مُبَشِّرِينَ , وَلَمْ تَبْعَثُوا مُعْصِرِينَ : رواه البخاري ومسلم

(4 points)

- b) Huraikan **TIGA (3)** kesukaran yang membolehkan seseorang Muslim itu mendapat rukhsah daripada Allah SWT. (6 points)

4. **(10 points)**

- a) Keluarkan **DUA (2)** hukum berdasarkan kaedah “Kemudaratan itu harus dihilangkan menurut syarak. (4 points)
- b) Kaedah “Darurat mengharuskan tegahan”. Bincangkan **TIGA (3)** hukum feqah yang dikeluarkan daripada kaedah tersebut. (6 points)

KERTAS SOALAN TAMAT